



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA (B.2 EB.3)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTERA**  
**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Electrical / Electrical and Electronics / Electrical and Electronics Engineering / Electrical Power and Control Engineering / General Engineering / Mechanical Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Bahagian dan pegawai kanan di Bahagian Perancangan Sistem dan Pengurusan Projek;
2. Mengurus, menyelaras, merancang projek-projek Perancangan Kemajuan Negara (RKN) dan projek-projek di bawah peruntukan di Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
3. Mengurus menyelaras, merancang asset-asset Jabatan serta keperluan yang berkaitan dengannya;
4. Memantau proses penilaian tawaran dan pelaksanaan projek;
5. Menyelaraskan pelaksanaan projek dengan ke semua *stakeholders*;
6. Membuat lawatan ke tapak-tapak projek;
7. Mewakili Ketua Bahagian bagi mewakili mesyuarat di dalam dan di luar Jabatan;
8. Menyelaraskan, mengawasi dan memantau kerja-kerja penggantian talian kawat atas jenis '*Bare Conductor*' kepada jenis ABC berkulit bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara (Barat) yang menyumbang ke arah penurunan gangguan elektrik;
9. Mematuhi '*Safety Rules*' disepanjang bertugas;



10. Membantu Ketua Bahagian dan pegawai atasan dalam menyelenggara operasi pembahagian dan pemeliharaan serta mengenal pasti masalah-masalah Janakuasa dan Pembahagiannya atau perkara yang berkaitan;
11. Menyelesaikan dan membaik pulih kerja-kerja di Pusat-Pusat Janakuasa seperti Janakuasa Gadong 1 dan 2, Pusat Janakuasa Bukit Panggal Tutong, Pusat Janakuasa *SHOASSKW*, Lumut pada bila-bila masa diperlukan;
12. Membantu Ketua Bahagian Penjanaan dalam membuat kerja-kerja yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
13. Menjalankan tugas-tugas teknikal lain yang diarahkan oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah serta pegawai-pegawai Kanan dari semasa ke semasa.